

## ANALISIS TEMATIK KALIMAH AL-RAHMAH DI DALAM AL-QURAN

SITI MURSYIDAH MOHD ZIN  
sitimursyidah@kuis.edu.my  
Jabatan al-Quran dan al-Sunnah  
Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

NUR AMIRA BINTI MOHD ZAHRI  
amirazahri12@gmail.com

### ABSTRAK

*al-Rahmah merupakan sifat fitrah yang dikurnikan oleh Allah SWT keatas semua hambanya. Namun begitu, dewasa ini pelbagai kes jenayah yang dilaporkan setiap hari di dada akhbar mahupu media massa mengenai penderaan mental, fizikal dan seksual terhadap golongan dewasa mahupun kanak-kanak menunjukkan manusia kini sudah hilang sifat al-Rahmah tersebut. Justeru, kajian ini bertujuan menganalisis secara tematik kalimah al-Rahmah yang terdapat di dalam al-Quran dengan menggunakan metode analisis kalimah secara maudhu'i. Metode yang digunakan ialah analisis dokumen yang dibuat secara induktif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kalimah al-Rahmah disebut sebanyak 78 kali di dalam al-Quran. Hasil kajian mendapati al-Rahmah ini dijelaskan dalam tiga makna yang berbeza (1) al-Rahmah Allah SWT meliputi segala sesuatu, (2) Sikap manusia terhadap al-Rahmah Allah SWT, (3) al-Rahmah Allah SWT terhadap nabi dan rasul. Keperibadian yang mulia dan pegangan agama yang mantap adalah faktor penting dalam mewujudkan manusia yang mempunyai sifat al-Rahmah..*

**Kata kunci:** *al-Rahmah, al-Quran, tematik, metode analisis kalimah, kasih sayang*

### PENGENALAN

*Al-Rahmah* merupakan suatu fitrah yang amat bernilai dalam diri manusia. Ia adalah suatu aktiviti mental yang rasional dan logikal. Setiap individu hendaklah mengendalikan hubungan dengan penuh tanggungjawab sehingga tercapai matlamat kebahagiaan di dalam kehidupannya. Kebolehan dalam mencurahkan kasih sayang merupakan asas dalam pembinaan keluarga bahagia. Ini kerana setiap anggota keluarga mampu menunjukkan sifat *al-Rahmah* sesama mereka bagi mengeratkan hubungan.

*Al-Rahmah* sangat penting untuk menjamin kesejahteraan masyarakat. Kesediaan mengambil berat, memberi perhatian, tolong-menolong, bertolak ansur dan menjaga kebajikan adalah antara ciri-ciri penting untuk melahirkan masyarakat dan keluarga yang harmoni. *al-Rahmah* adalah sifat yang dituntut oleh Islam. Jika masyarakat kita kurang mengamalkan sifat *al-Rahmah* beerti mereka tidak mengamalkan Islam secara keseluruhannya.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Menurut Berita Harian (2006), statistik laporan akhbar menunjukkan terdapat kes keruntuhan rumah tangga ataupun penceraihan yang berpunca daripada kekurangan ilmu yang berkaitan dengan hal ehwal rumah tangga dan kekeluargaan. Ada yang berpunca daripada masalah kecil yang dibiarkan berlarutan yang akhirnya mencacatkan kehidupan sesebuah rumah tangga. Amatlah menyedihkan sekiranya setiap hari media massa memomokkan masyarakat dengan berita-berita negatif yang berkaitan dengan masalah perkahwinan. Walhal perkahwinan itu adalah satu institusi yang mulia dan digalakkan oleh ajaran Islam. <sup>1</sup>

Alias Sulaiman (2004), menyatakan golongan pelajar yang melakukan vandalisme seperti merosakkan harta benda tanpa ada sebarang alasan serta tidak mendapat sebarang faedah atas tingkah laku tersebut. Tingkah laku tersebut menunjukkan bantahan terhadap sesuatu atau luahan kekecewaan pelaku kepada sendiri, keluarga, rakan sebaya, sekolah dan masyarakat. Golongan ini ingin menarik perhatian orang ramai dan memperkenalkan dirinya secara negatif serta amat memerlukan kasih sayang.

Di samping itu, terdapat kes di mana kucing menjadi mangsa penderaan manusia termasuk disimbah air panas dan ditendang, ada juga tidak diberi makan. Kehadiran kucing yang comot, kotor dan tidak bertuan kerana kelaparan adalah antara pemandangan biasa yang dilihat di kawasan perumahan, kedai-kedai makan atau di pasar basah. Situasi itu memang tidak disukai masyarakat, malah haiwan-haiwan ini selalu dianggap pengacau dan sering dikaitkan dengan imej kotor dan membawa penyakit. Akibat daripada kekurangan kasih sayang dan keprihatinan, masyarakat kini tanpa disedari telah melakukan kekejaman terhadap haiwan-haiwan tersebut. Sebagai makhluk haiwan, haiwan-haiwan itu sebenarnya bukan sahaja berhak mendapat kasih sayang tetapi juga makan dan minum serta tempat perlindungan yang sempurna. <sup>2</sup>

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kajian yang berbentuk analisis kalimah *al-Rahmah* di dalam al-Quran. Pengkaji menggunakan metode perpustakaan "*library research*" untuk mengumpulkan data-data kajian di samping tidak mengabaikan metode-metode kajian yang lain.

Cara pengumpulan data yang digunakan di dalam kajian ini ialah dengan merujuk kepada sumber-sumber primer dan sekunder iaitu Kitab *al-Mu'jam al-Mufahras Li al-Faz al-Quran al-Karim*, Muhammad Fuad al-Baqi, al-Dar al-Kutub Mishriyyah, 1364H. Pengkaji menggunakan kitab ini sebagai rujukan utama untuk mengetahui bilangan *al-Rahmah* di dalam al-Quran. Kitab *Tafsir al-Quran al-A'zim Li Ibn Kathir*,

---

<sup>1</sup> <https://www.bharian.com.my/node/119233>

<sup>2</sup> <https://www.bharian.com.my/node/119233>

karya Imam 'Imad al-Din Abi al-Fida' Isma'il Ibn Kathir, Pustaka Imam al-Shafie, 2008 bagi menganalisis kalimah *al-Rahmah* di dalam al-Quran dengan menggunakan beberapa pandangan ulama-ulama tafsir dalam ayat berkaitan *al-Rahmah*.

## PEMAHAMAN TERHADAP KALIMAH AL-RAHMAH

Definisi kalimah *al-Rahmah* menurut Ibn Mandhur (2008) dalam Kamus *Lisan al-'Arab* menyatakan bahawa orang Arab membezakan antara kalimah *al-Rahmah* yang disandarkan kepada anak cucu Adam dengan yang disandarkan kepada Allah SWT. Kalimah *al-Rahmah* yang disandarkan kepada anak cucu Adam adalah *riqqat al-qalb wa 'athfih* (رِقَّةُ الْقَلْبِ وَعَظْفِهِ) yang bermaksud kelembutan hati dan belas kasihannya, manakala kalimah *al-Rahmah* yang disandarkan kepada Allah SWT adalah '*athfuh wa Ihsanuhu wa rizquhu* (عَظْفُهُ وَإِحْسَانُهُ وَرِزْقُهُ) yang beerti belas kasihan, kebaikan, dan rezeki-Nya.

Selain itu, Ibn Faris (555H) dalam kitabnya *Mu'jam Muqayis al-Lughah* menyebutkan bahawa kalimah yang terdiri daripada fonem *ra*, *ha*, dan *mim*, pada dasarnya menunjukkan kepada maksud kelembutan hati, belas kasihan dan kehalusan. Daripada akar kalimah ini lahir kalimah *rahima* (رَحِمَ), yang memiliki erti ikatan darah, persaudaraan, atau hubungan kerabat. Penamaan rahim pada peranakan perempuan kerana daripadanya terlahir anak yang akan menerima limpahan kasih sayang dan kelembutan hati.

Seterusnya, menurut al-Raghib al-Asfahani (1992) dalam kitabnya *Mu'jam Mufradat al-Faz al-Quran al-Rahmah* secara istilah iaitu belas kasihan yang menuntut kebaikan kepada yang dikasihi, terkadang diertikan dengan belas kasihan semata, atau kebaikan tanpa belas kasihan. *al-Rahmah* adalah sejenis kasih sayang, lembut, bersedia untuk berkorban, dan bersedia untuk melindungi. Orang yang mempunyai *rahmah* seperti ini memberi perhatian lebih kepada orang yang dicintainya daripada dirinya sendiri. Baginya perkara yang penting ialah kebahagiaan kekasih walaupun untuk itu dia harus menderita. Dia sangat memahami kekurangan kekasihnya dan selalu memaafkan kesilapan kekasihnya termasuklah *rahmah* iaitu cinta antara orang yang mempunyai ikatan darah daging, terutama cinta ibu bapa terhadap anaknya, cinta anaknya terhadap ibu bapa dan sebaliknya.

Oleh sebab itu di dalam al-Quran, kaum kerabat disebut *al-arham*, *dzawil arham*, iaitu orang-orang yang memiliki hubungan kasih sayang secara fitri, yang berasal daripada kasih sayang ibu, disebut *rahim* daripada asal kalimah *rahmah*. Bermula daripada janin seorang anak sudah diliputi oleh suasana psikologi kasih sayang di dalam satu ruang yang disebut *rahim*. Seterusnya di antara orang-orang yang memiliki hubungan darah dianjurkan untuk selalu bersilaturrahim yang bermaksud menyambung pertalian kasih sayang. Suami isteri terikat dengan cinta *mawaddah* dan *rahmah* sekaligus biasanya saling setia lahir batin, dunia akhirat. Ahmad al-Kubaysi (2003) menjelaskan bahawa *al-Rahmah* adalah sifat sejahtera dan perasaan simpati yang mengandungi unsur sosial yang elegen, kata-kata yang lembut dan ikhlas memberi nasihat di antara dua insan.

## ANALISIS AYAT AL-QURAN YANG MENGANDUNGI KALIMAH AL-RAHMAH

Ayat-ayat al-Quran tentang *al-Rahmah* dibahagikan kepada tiga bahagian yang berbeza iaitu (1) *al-Rahmah* Allah SWT meliputi segala sesuatu, (2) Sikap manusia terhadap *al-Rahmah* Allah SWT, (3) *al-Rahmah* Allah SWT terhadap nabi dan rasul.

Di dalam skop pertama ini terdapat 16 ayat yang menerangkan mengenai *al-Rahmah* meliputi segala sesuatu. Di dalam skop ini juga telah dibahagikan mengikut skop yang lebih kecil iaitu (a) *al-Rahmah* di dalam lingkungan keluarga, (b) *al-Rahmah* terhadap orang yang beriman dan (c) *al-Rahmah* terhadap alam semesta. Firman Allah SWT :

وَإِخْفِضْ لَهُمَا جَنَاحَ الذُّلِّ مِنَ الرَّحْمَةِ وَقُلْ رَبِّ ارْحَمْهُمَا كَمَا رَبَّيْنِي صَغِيرًا (24)

Maksudnya:

“Dan hendaklah engkau merendahkan diri kepada keduanya kerana belas kasihan dan kasih sayangmu, dan doakanlah untuk mereka, dengan berkata; “Wahai Tuhanku! Cucurilah rahmah kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah mencurahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidikkmu semasa kecil”.

Al-Isra’ (17):24)

Allah SWT memerintahkan hamba-hamba-Nya untuk menyembah-Nya semata, dengan tidak menyembah selain daripada-Nya. Seterusnya perintah Allah SWT untuk berbakti kepada orang tua iaitu dengan cara berbuat baik kepada orang tua, tidak membentak mereka, bertutur sapa baik terhadap kedua orang tua, berlaku sopan santun kepadanya dengan penuh rasa hormat dan memuliakannya serta berdoa untuk mereka bila mana keduanya telah meninggal dunia.

Di dalam bahagian *al-Rahmah* Allah SWT terhadap orang-orang yang beriman mempunyai 10 ayat. Firman Allah SWT :

الَّذِينَ يَحْمِلُونَ الْعَرْشَ وَمَنْ حَوْلَهُ يُسَبِّحُونَ بِحَمْدِ رَبِّهِمْ وَيُؤْمِنُونَ بِهِ وَيَسْتَغْفِرُونَ  
لِلَّذِينَ آمَنُوا رَبَّنَا وَسِعْتَ كُلَّ شَيْءٍ رَحْمَةً وَعِلْمًا فَاغْفِرْ لِلَّذِينَ تَابُوا وَاتَّبَعُوا سَبِيلَكَ  
وَقِهِمْ عَذَابَ الْجَحِيمِ (7)

Maksudnya:

“Malaikat yang memikul Arasy dan malaikat yang berada di sekelilingnya, bertasbih memuji Tuhan-Nya, dan beriman kepada-Nya serta mereka memohon ampun bagi orang-orang yang beriman (dengan berdoa merayu); “Wahai Tuhan kami! Rahmah-Mu dan ilmu-Mu meliputi segala-galanya, maka berilah ampun kepada orang-orang yang bertaubat serta menurut jalan-Mu, dan peliharalah mereka dari azab mereka”.

Ghafir (40):7)

Ibn Kathir (2008) menafsirkan ayat ini dengan mengatakan bahawa Allah SWT mengkhabarkan tentang para malaikat muqarrabin pembawa ‘Arasy bahawa mereka bertasbih dengan memuji Allah SWT iaitu mereka menafikan segala kekurangan Allah SWT serta pujian yang menunjukkan pengekal sifat-sifat terpuji bagi-Nya

lalu Allah SWT memerintahkan para malaikat tersebut mendo'akan orang-orang yang beriman dan juga merupakan sikap para malaikat yang sentiasa mengaminkan doa orang yang beriman kepada saudaranya tanpa kehadirannya.

Di dalam bahagian *al-Rahmah* terhadap alam semesta mempunyai 2 ayat. Firman Allah SWT :

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ (107)

Maksudnya:

“Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad) melainkan untuk menjadi rahmah bagi sekalian alam”.  
Al-Anbiya'(21):107

Ibn Kathir (2008) menafsirkan ayat ini dengan mengatakan bahawa sesungguhnya dunia dan seisinya ini diwarisi oleh orang yang memperbaiki, menggunakan pelbagai kekayaan dan memanfaatkan segala apa yang ada di bahagian luar dan bahagian dalamnya. Maka barang siapa memiliki fikiran yang cerdas, fikiran yang bijaksana, nescaya dia akan memiliki dan menguasai, memetik buahnya serta mendapat petunjuk untuk menggali kekayaan yang dipendaminya. Seterusnya Allah SWT menjelaskan bahawa pelbagai syari'at dan petunjuk yang diwahyukan kepada rasul sudah cukup bagi orang yang mahu mengambil pelajaran daripada sunnah-sunnah-Nya terdapat di dalam ayat-ayat *kauniyah*, sehingga dapat mengambil pelajaran apa yang bermanfaat bagi urusan agama *akhirat* mahupun dunia.

Sesungguhnya seluruh peringatan dan hukum syari'at Islam yang dibawa oleh wahyu adalah petunjuk dan peringatan, jika memang orang-orang mahu memikirkannya. Rasulullah SAW diutuskan dengan membawa ajaran yang mengandungi kemaslahatan di dunia dan di akhirat. Hanya orang kafir tidak mahu memanfaatkan dan berpaling daripadanya akibat tabiat yang rosak, tidak menerima *rahmah* dan tidak mensyukuri nikmat ini, sehingga tidak merasakan kebahagiaannya dalam urusan agama mahupun dalam urusan dunia.

Seterusnya, di dalam skop kedua, ini terdapat 15 ayat yang menerangkan mengenai sikap manusia terhadap *al-Rahmah* Allah SWT. Di dalam skop ini juga telah dibahagikan mengikut skop yang lebih kecil iaitu (a) Sikap manusia apabila ditimpa ujian mereka merendahkan diri di hadapan Allah SWT. Namun, ketika Allah SWT merahmati mereka setelah ditimpa ujian itu, mereka menyekutukan Allah SWT, (b) Jangan berputus asa dengan *al-Rahmah* Allah SWT walaupun melampaui batas, (c) Apabila diberi nikmat, sikap angkuh sombong dan apabila ditimpa ujian dan kemiskinan maka mereka berputus asa daripada *al-Rahmah*-Nya, (d) *al-Rahmah* sebagai memberi peringatan kepada orang-orang yang zalim dan khabar gembira kepada orang-orang yang berbuat kebaikan, (e) Allah SWT Maha Pengampun dan kerana *al-Rahmah* Allah SWT, Allah SWT tidak menyegerakan azab kepada mereka, (f) *al-Rahmah* terhadap orang-orang yang berbuat kebaikan dan (g) *al-Rahmah* terhadap orang-orang yang yakin.

Di dalam bahagian sikap manusia yang apabila diberi nikmat bersikap angkuh sombong dan apabila ditimpa ujian dan kemiskinan maka mereka berputus asa daripada *rahmah*-Nya mempunyai 3 ayat. Firman Allah SWT:

وَلَكِنَّ أَدْفَنَاهُ رَحْمَةً مِنَّا مِنْ بَعْدِ ضَرَاءٍ مَسَّتْهُ لِيَقُولَنَّ هَذَا لِي وَمَا أَظُنُّ السَّاعَةَ قَائِمَةً  
وَلَكِنَّ رُجِعْتُ إِلَىٰ رَبِّي إِنَّ لِي عِنْدَهُ لَلْحُسْنَىٰ ۚ فَلَنُنَبِّئَنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا بِمَا عَمِلُوا  
وَلَنُذَيِّقَنَّهُمْ مِنْ عَذَابٍ غَلِيظٍ (50)

Maksudnya:

“Dan demi sesungguhnya! Jika Kami beri dia merasai sesuatu rahmah dari Kami sesudah ia ditimpa sesuatu kesusahan, berkatalah ia (dengan sikap tidak bersyukur): ini ialah hakku (hasil usahaku semata-mata), dan aku tidak fikir bahawa hari kiamat akan berlaku, dan kalaulah aku dikembalikan kepada Tuhanku (sekalipun), sudah tentu aku akan beroleh kebaikan di sisi-Nya (seperti kesenanganku sekarang ini)!” Maka demi sesungguhnya! Kami akan memberi tahu kepada orang-orang yang kufur ingkar itu akan keburukan apa yang mereka telah kerjakan, dan Kami akan beri mereka merasai azab seksa yang seberat-beratnya”.  
Fussilat (41):50

Ibn Kathir (2008) menafsirkan ayat ini dengan mengatakan bahawa manusia tidak jemu memohon kebaikan daripada Allah SWT seperti harta, kesihatan tubuh badan, kecerdikan dan lain-lain. Dan jika ditimpa malapetaka seperti bencana atau kemiskinan, mereka berputus asa dan tidak lagi berharap kepada Allah SWT di mana mereka menyangka bahawa tidak ada lagi kebaikan setelah itu. Dan apabila mereka mendapat *rahmah* Allah SWT setelah ditimpa musibah, mereka sombong dan bongkak kepada Allah SWT.

Di dalam bahagian Allah SWT Maha Pengampun dan kerana *al-Rahmah*-Nya, Allah SWT tidak menyegerakan azab kepada mereka. Firman Allah SWT:

وَرَبُّكَ الْغَفُورُ ذُو الرَّحْمَةِ ۖ لَوْ يُؤَاخِذُهُمْ بِمَا كَسَبُوا لَعَجَّلَ لَهُمُ الْعَذَابَ ۚ بَلْ لَهُمْ  
مَوْعِدٌ لَنْ يَجِدُوا مِنْ دُونِهِ مَوْئِلًا (58)

Maksudnya:

“Dan Tuhan-Mu Maha Pengampun, lagi melimpah-melimpah rahmahnya. Jika ia mahu menyiksa mereka (didunia) disebabkan apa yang mereka telah usahakan, tentulah ia akan menyegerakan azab itu menimpa mereka, (tetapi ia tidak berbuat demikian) bahkan ditentukan bagi mereka satu masa yang mereka tidak sekali-kali akan dapat sebarang tempat perlindungan, yang ialah daripadanya”.  
Al-Kahf (18):58

Ibn Kathir (2008) menafsirkan ayat ini dengan mengatakan bahawa Allah SWT Maha Pengampun dan mempunyai *rahmah* yang sangat luas. Allah SWT akan memberi

petunjuk kepada sebahagian mereka yang tergelincir daripada jalan yang lurus. Dan setelah itu jika mereka berterusan dalam kesesatan maka Allah SWT akan memberi azab di akhirat kelak.

Di dalam bahagian larangan Allah SWT supaya jauhi daripada sikap berputus asa dengan *rahmah*-Nya walaupun telah melakukan kemungkaran. Firman Allah SWT:

قُلْ يَا عِبَادِيَ الَّذِينَ أَسْرَفُوا عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ لَا تَقْنَطُوا مِن رَّحْمَةِ اللَّهِ ۚ إِنَّ اللَّهَ يَغْفِرُ  
الذُّنُوبَ جَمِيعًا ۚ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ (53)

Maksudnya:

“Katakanlah (Wahai Muhammad): “Wahai hamba-hamba-Ku yang telah melampaui batas terhadap diri mereka sendiri (dengan perbuatan-perbuatan maksiat), janganlah kamu berputus asa dari rahmah Allah, kerana sesungguhnya Allah mengampunkan segala dosa, sesungguhnya Dialah jua Yang Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani”.

Az-Zumar (39):53

Pada ayat ini Allah SWT memerintahkan kepada Nabi Muhammad SAW agar ia menyampaikan kepada umatnya bahawa Allah SWT Yang Maha Pengampun dan Maha Penyayang dan sangat luas *rahmah* dan kasih sayang-Nya terhadap hamba-Nya yang beriman. Allah SWT akan mengampuni segala dosa yang telah terlanjur mereka kerjakan seperti meninggalkan perintah-Nya atau mengerjakan larangan-Nya. Apabila mereka benar-benar bertaubat daripada kesalahan dan mereka menyangka bahawa kerana dosanya telah bertimbun-timbun banyaknya tidak akan diampuni Allah SWT. Maka mereka menjadi seorang yang berputus asa terhadap ampunan *rahmah* dan kasih sayang-Nya.

Skop yang terakhir iaitu skop ketiga ini terdapat 10 ayat yang menerangkan mengenai *al-Rahmah* Allah SWT terhadap nabi dan rasul. Firman Allah SWT :

فَاسْتَجَبْنَا لَهُ فَكَشَفْنَا مَا بِهِ مِنْ ضُرٍّ ۖ وَأَتَيْنَاهُ أَهْلَهُ وَمِثْلَهُم مَّعَهُمْ رَحْمَةً مِّنْ عِنْدِنَا  
وَذِكْرَىٰ لِّلْعَابِدِينَ (84)

Maksudnya:


“Dan demi sesungguhnya, kami telah memberi kepada Nabi Musa dan Nabi Harun Kitab (Taurat) yang membezakan antara yang benar dengan yang salah, dan yang menjadi cahaya yang menerangi, serta yang mengandungi pengajaran, bagi orang-orang yang mahu bertaqwa”.

Al-Anbiya’ (21):84

Ayat ini mengisahkan tentang nabi Ayub AS terkait dengan ujian yang menyimpannya pada harta, anak dan tubuh badannya. Pada saat itu dia memiliki binatang sebagai kenderaan, haiwan ternakan, dan tanaman dalam jumlah yang besar, juga anak yang ramai dan beberapa tempat tinggal yang sangat bagus. Oleh yang demikian, dia telah diberi ujian yang menimpa pada semua kekayaannya itu sehingga habis tiada yang

berbaki. Kemudian ujian datang lagi menimpa tubuh badannya. Beliau pun menyendiri di daerah terpencil di negerinya. Tidak ada seorang pun yang menaruh simpati kepadanya kecuali isterinya yang menjaganya. Ada yang mengatakan kerana isterinya kekurangan harta maka dia rela bekerja pada orang lain untuk menguruskan nabi Ayub AS.

Dalam ayat ini juga Allah SWT menjelaskan bahawa kerana ketaatan dan kesabaran nabi Ayub AS menghadapi ujian, Allah SWT mengabulkan doanya dengan memerintahkan kepadanya agar menghentakkan kakinya ke bumi. Kemudian dari bumi yang dihentak nabi Ayub AS itu memancarlah mata air yang sejuk. Lalu nabi Ayub AS diperintahkan agar mandi dan minum air itu. Lambat laun penyakit nabi Ayub AS makin berkurang dan akhirnya kembali sembuh seperti sedia kala. Sesudah itu dihimpunkan kembali keluarganya yang telah berpisah, dan mereka dapat menyebarkan keturunan yang berlipat ganda, sebagai *rahmah* Allah SWT kepadanya dan kepada keturunannya. Justeru, rajah 1.0 menerangkan maksud *al-rahmah* secara ringkas.



## KESIMPULAN

Maka dapat dirumuskan bahawa kalimah *al-Rahmah* yang dibahagikan kepada tiga skop yang menunjukkan (1) *al-Rahmah* Allah SWT meliputi segala sesuatu, (2) Sikap manusia terhadap *al-Rahmah* Allah SWT, (3) *al-Rahmah* Allah SWT terhadap nabi dan rasul hampir semuanya menunjuk kepada Allah SWT, sebagai subjek utama pemberi *al-Rahmah*. *al-Rahmah* di dalam al-Quran berbicara tentang pelbagai aspek yang berkaitan dengan kasih sayang, kebaikan, dan anugerah rezeki Allah SWT terhadap makhluk-Nya. Di samping itu, Allah SWT mencurahkan *rahmah* yang teramat sempurna tetapi bersifat sementara tidak kekal kepada semua makhluknya. Allah SWT terus-menerus dan secara mantap mencurahkan *rahmah*-Nya kepada orang-orang yang taat kepada-Nya di akhirat kelak. Di samping itu, ada di antaranya juga disebutkan untuk menunjukkan sifat peribadi Rasulullah SAW. Dengan demikian, jelas bahawa subjek utama daripada pemberi *al-Rahmah* yang diungkap al-Quran adalah Allah SWT.



## RUJUKAN

al-Quran al-Karim.

Gan Swee Eng, 2013. Tingkahlaku Vandalisme dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan di Zon Labis, Hlm.171-194. Johor: Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

Ibn Faris, Abu al-Husain Ahmad Ibnu Faris Zakaria. 555H. *Mu'jam Muqayis al-Lughah*. Dar al-Fikr.

Ibn Mandhur, Jamaluddin Muhammad bin Mukram. 2008. *Lisan 'Arab*. Jil. 4&5. Beirut Lubnan: Dar al-Fikr.

Imam 'Imad al-Din Abi al-Fida' Isma'il Ibn Kathir. 2008. *Tafsir al-Quran al-A'zim Li Ibn Kathir*, Pustaka Imam al-Shafie.

Muhammad Fuad al-Baqi. 1364H. *al-Mu'jam al-Mufahras Li al-Faz al-Quran al-Karim*. Dar al-Kutub Mishriyyah.

al-Raghib al-Asfahani. 1992. *Mu'jam Mufradat al-Faz al-Quran*. Dar al-Qalam.

Dr Nurhidayah Hasim, *Penceraian Berpunca Perkara Remeh-Temeh Membimbangkan*, diakses pada 28 November 2017.

Roslan Othman, *SPCA Bantu Haiwan Teraniya*, diakses pada 29 November 2017.

<https://www.bharian.com.my/node/119233> .

<https://www.bharian.com.my/node/119233> .